

25 SEP 1999

Masakan

SENI MASAKAN MALAYSIA TARIK MINAT 750 TUKANG MASAK

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu malam ini menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan Seni Masakan Malaysia '99, yang menarik penyertaan 750 tukang masak dari seluruh negara, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dalam ucapannya, beliau berkata Kementerian Kerja Raya sentiasa mengiktirafkan keperluan tenaga kerja mahir dan dalam hubungan ini, kementerian mendapati Seni Masakan Malaysia adalah satu pertandingan yang menguji kemahiran.

Pertandingan itu, disenaraikan di bawah Kejohanan Kemahiran Malaysia, adalah program yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertujuan mengiktiraf pencapaian unggul dalam pelbagai bidang kemahiran.

Acara itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Hotel Malaysia dan persatuan Tukang Masak Malaysia bersempena Makanan Hotel Malaysia '99 dan Pesta Malaysia '99, yang berakhir hari ini.

Ia bertujuan mengiktiraf tukang masak terbaik yang mempunyai bakat dan kemahiran seni masakan menerusi kegigihan, kreativiti, ujian dan keinginan dalam menghasilkan resipi masakan terbaik.

Pemenang mengikut kategori:

Tukang Masak Terbaik - Ng Say Siong dari Johor Baharu

Tukang Masak PASTRI Terbaik - Youkiganathan (Kuala Lumpur)

Artis Terbaik - Haizul Izuan Mat Yunan (Langkawi)

Pelatih Terbaik - Ahmad Zam Bahari (Kuala Lumpur)

Kakitangan Makanan dan Minuman Terbaik - Muner Shamsuri (Kuala Lumpur)

Pasukan Terbaik - Sheraton Imperial Kuala Lumpur

Pasukan Masakan Panas Terbaik - Sheraton Imperial Kuala Lumpur

-- BERNAMA

RV NAK